
Persepsi Pelajar Terhadap Pembelajaran Teknologi Percetakan Digital bagi Program Diploma Teknologi Media Cetak di Politeknik Muadzam Shah, Pahang.

Noor Yuslizawati binti Yusof¹

¹ *Jabatan Rekabentuk & Komunikasi Visual, Politeknik Muadzam Shah, Pahang*
E-mail: yuslizawati@pms.edu.my

Abstrak

Perkembangan teknologi percetakan daripada percetakan konvensional kepada percetakan digital telah membawa perubahan ketara dalam bidang dunia percetakan yang telah mempengaruhi kaedah pengajaran dan pembelajaran teknologi percetakan. Percetakan digital atau lebih dikenali sebagai *Digital Printing* merupakan kaedah percetakan yang mencetak terus daripada imej berasaskan digital kepada pelbagai jenis media atau bahan cetakan. Ia merupakan satu teknologi moden yang telah merevolusikan industri percetakan tradisional iaitu *offset printing* kepada *digital printing*. Percetakan digital merupakan salah satu kursus yang terdapat dalam Program Diploma Teknologi Media Cetak di Jabatan Rekabentuk & Komunikasi Visual, Politeknik Muadzam Shah, Pahang yang merupakan satu-satunya politeknik di Malaysia yang mempunyai kursus ini. Oleh hal yang demikian, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti persepsi pelajar terhadap pembelajaran percetakan digital dalam kalangan pelajar bagi Program Diploma Teknologi Media Cetak. Kajian ini melibatkan 90 responden yang terdiri daripada pelajar semester 2 hingga 6 Program Diploma Teknologi Media Cetak di Politeknik Muadzam Shah. Kaedah pengumpulan data dikumpul dengan menggunakan kaedah kuantitatif iaitu melalui pengedaran borang soal selidik kepada semua responden. Instrumen kajian menggunakan skala Likert lima mata bagi mengukur tahap persepsi pelajar terhadap pembelajaran teknologi percetakan digital, kefahaman pelajar terhadap pembelajaran teknologi percetakan digital, kemahiran dan penguasaan pelajar terhadap pembelajaran teknologi percetakan digital, kaedah pengajaran pensyarah di dalam kelas dan cabaran yang dihadapi oleh pelajar dalam proses pembelajaran teknologi percetakan digital. Dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti pelajar Program Diploma Teknologi Media Cetak mempunyai persepsi yang positif terhadap pembelajaran percetakan digital walaupun terdapat beberapa cabaran dan kekangan dalam menguasai perisian teknologi digital seperti cabaran dalam menggunakan perisian percetakan digital, masalah teknikal dan kesukaran mengendalikan mesin digital kerana ketiadaan mesin di jabatan dan masa amali yang terhad. Oleh hal yang demikian diharapkan kajian ini dapat membantu pensyarah dan politeknik dalam menambah baik strategi PdP serta kemudahan peralatan agar memenuhi keperluan kursus semasa.

Kata kunci : *persepsi, pembelajaran, percetakan digital, Teknologi Media Cetak*

Abstract

The development of printing technology from conventional printing to digital printing has brought significant changes to the printing industry, influencing teaching and learning methods in printing technology. Digital printing is a modern printing method that prints from digital images directly onto various media or materials. Modern technology has revolutionized the traditional printing industry. Digital printing is one of the courses available in the Diploma Print Media Technology Program at the Department of Design & Visual Communication, Polytechnic Muadzam Shah, Pahang, which is the only polytechnic in Malaysia to offer this course. This study was conducted to identify students' perceptions of learning in digital printing within the Diploma Print Media Technology Program. This study involved 90 respondents, comprising students in semesters 2 to 6 of the Diploma Print Media Technology Program at Polytechnic Muadzam Shah. The data collection method used was quantitative, with questionnaires distributed to all respondents. The study instrument used a Likert scale to measure students' perceptions, understanding, and skills learning digital printing technology, lecturers' teaching methods in the classroom, and the challenges students faced in the process of learning digital printing technology.

The findings of the study show that the majority of students in the Diploma Print Media Technology Program have a positive perception of learning digital printing despite several challenges and constraints in mastering digital technology software, such as challenges in using digital printing software, technical problems, and difficulty operating digital machines due to the absence of machines in the department and limited practical time. In conclusion, hopefully this study can assist lecturers and polytechnics in improving teaching and learning strategies and equipment facilities to meet current course requirements.

***Keywords :** perception, learning, digital printing, Print Media Technology*
